

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

PLG 414 - Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia II

Masa: [1 jam]

Pengesahan Kepada Calon:

Kertas ini mengandungi LIMA (5) soalan dan anda dikehendaki menjawab DUA (2) soalan sahaja. Jawapan anda itu hendaklah ringkas, padat dan tepat. Setiap soalan membawa pemberatan 50 markah .

1. "Amalan membaca merupakan aktiviti yang dituntut oleh agama dan masyarakat kerana ianya menjadi jambatan yang menghubungkan di antara akal, hati dan perasaan". Berdasarkan kenyataan di atas apakah yang anda faham dengan baca dan bacaan dan bagaimanakah pengertian baca dan bacaan boleh mencetuskan kelantasan dan ketajaman fikiran untuk mematangkan pengalaman individu.
2. "Bahan-bahan sastera dan bahan-bahan dari ilmu akal manusia yang lain amat kaya dengan fakta, pengalaman kemanusiaan dan kemasyarakatan dan pengayaan akal dan budi". Berdasarkan petikan ini, cuba anda ulaskan kesesuaiannya dalam pengajaran bahasa dan berbahasa seperti yang tercatat dalam konsep pengayaan bahasa dan amalan Bahasa Malaysia Meretas Kurikulum.
3. "Sebagai Guru Bahasa Malaysia, anda tidak sahaja mengajar tetapi harus upaya untuk menjalankan penyelidikan bagi menyelesaikan beberapa isu atau masalah dalam pengajaran pembelajaran bahasa". Berdasarkan kenyataan ini apakah yang anda faham dengan konsep penyelidikan dalam pendidikan Bahasa dan bagaimana ia berfungsi untuk menyelesaikan isu atau masalah yang dapat dikenalpasti dalam pengajaran Bahasa Malaysia.
4. "Pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu menghadapi berbagai masalah ketika belajar Bahasa Malaysia di dalam bilik darjah yang sama". Betulkan kenyataan ini? Dan apakah yang harus anda lakukan untuk mengimbangkan pengajaran anda apabila menghadapi masalah seperti ini.
5. "Penguasaan bahasa dan berbahasa seseorang tidak semata-mata diperolehi melalui pengajaran pembelajaran formal dalam kelas, ianya boleh didapati melalui aktiviti luar kelas" kenyataan ini ada benarnya. Cuba anda buktikan kenyataan ini melalui pengalaman dan projek pengajaran bahasa yang pernah anda kendalikan sebagai satu aktiviti ko-kurikulum.